

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB DEBIT MASTERCARD

Pengeluaran CIMB Islamic Debit Mastercard (selepas ini dipanggil “Kad”) oleh CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (selepas ini dipanggil “Bank”) kepada Pemegang Kad dan penggunaan Kad adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut yang dimaklumkan kepada Pemegang Kad pada masa permohonan Kad dan/atau pada masa penyerahan Kad. Penggunaan Kad merupakan penerimaan terma-terma dan syarat-syarat berikut:

1. DEFINISI

1.1 Dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, melainkan konteks menghendaki sebaliknya:-

“**Akaun**” bermaksud akaun yang dipegang atau mungkin dipegang oleh Pemegang Kad dengan Bank pada bila-bila masa, dan termasuk akaun yang dibuka oleh Pemegang Kad dari semasa ke semasa.

“**Fi Tahunan**” adalah fi yang dicaj kepada Pemegang Kad setiap tahun sebagai balasan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan.

“**ATM**” bermaksud mesin juruwang automatik atau mesin yang beroperasi menggunakan kad, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mesin kepunyaan Bank atau rangkaian ATM MasterCard Worldwide.

“**Transaksi ATM**” bermaksud mana-mana transaksi yang dilakukan melalui ATM.

“**Peniaga Sah**” bermaksud mana-mana peruncit atau orang firma atau syarikat lain yang, selaras dengan perjanjian peniaga, bersetuju menerima atau memastikan outletnya menerima Kad apabila dikemukakan dengan wajar.

“**Pembayaran Bil Automatik**” bermaksud pembayaran berulang yang dibuat oleh Pemegang Kad menggunakan Kad bagi pembayaran insurans, bil atau perkhidmatan lain yang mungkin diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“**Pembayaran Automatik**” bermaksud perkhidmatan yang melaluinya Bank akan secara automatik membayar kepada Peniaga, Caj Peniaga yang dibil oleh Peniaga tersebut, bagi pihak Pemegang Kad, dan mengenakan pembayaran tersebut kepada Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad.

“**Bank**” bermaksud CIMB Bank Berhad yang termasuk pengganti hak milik dan penerima serah haknya.

“**Kad**” bermaksud Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang membenarkan Transaksi Debit dan semua Transaksi dilaksanakan melalui ATM seperti yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini dan istilah Kad juga termasuk apa-apa penggantian atau pembaharuannya.

“**Pemegang Kad**” bermaksud pelanggan Bank yang kepadanya Kad dikeluarkan.

“**CIMB Clicks**” bermaksud laman web CIMB yang boleh diakses melalui internet.

“**CNP**” merujuk kepada transaksi tanpa kad (‘card-not-present’) iaitu pembelian yang dibuat apabila Kad tidak ada secara fizikal. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada Transaksi yang dilaksanakan dalam talian melalui Internet, melalui pos atau pesanan telefon.

“**Baki Semasa**” bermaksud baki yang ada dalam Akaun Ditetapkan selepas ditolak pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang ditanggung oleh Pemegang Kad.

“**Transaksi Debit**” bermaksud Transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad, dengan PIN atau tanpa PIN tetapi diiringi dengan tandatangan Pemegang Kad. Jika Transaksi dilaksanakan melalui pesanan pos, pesanan telefon, melalui internet atau dengan menggunakan terminal layan diri seperti kiosk stesen minyak atau terminal lain, tandatangan Pemegang Kad dan PIN tidak diperlukan.

“**Akaun Ditetapkan**” bermaksud Akaun yang ditetapkan oleh Pemegang Kad (yang telah diluluskan oleh Bank) pada masa itu bagi tujuan melaksanakan Transaksi Debit.

“**Tarikh Tamat Tempoh**” bermaksud tarikh tamat tempoh yang dicetak pada Kad.

“**Baki Dipegang**” bermaksud jumlah yang dianggarkan oleh Bank pada bila-bila masa sebagai jumlah sebarang dan semua Transaksi Debit yang dilaksanakan atau dirancang akan dilaksanakan dengan menggunakan Kad tetapi yang belum didebit daripada Akaun Ditetapkan

“**Peniaga**” bermaksud peniaga yang diiktiraf oleh Bank menurut budi bicara tunggalnya bagi tujuan penerimaan Pembayaran Automatik.

“**Caj Peniaga**” bermaksud pembayaran yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Peniaga, seperti yang dibil oleh Peniaga.

“**PIN**” bermaksud nombor pengenalan peribadi yang diberikan kepada Pemegang Kad oleh Bank apabila Pemegang Kad memohon untuk menggunakan Kad.

“**Penyata**” bermaksud penyata / masukan yang menyenaraikan transaksi Pemegang Kad di bawah Akaun Ditetapkan yang merekodkan transaksi yang dilaksanakan oleh Pemegang Kad dengan menggunakan Kad.

“**Transaksi**” bermaksud sebarang dan semua transaksi perbankan yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad dan hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran tunai, pembelian, pembayaran, pemindahan wang, pertanyaan baki, deposit tunai atau cek, pembayaran bil dan apa-apa perkhidmatan perbankan elektronik lain yang boleh ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sama ada melalui ATM, terminal Tempat Jualan, transaksi internet atau terminal atau saluran lain seumpamanya yang tersedia kepada Pemegang Kad). Untuk mengelakkan keraguan, istilah “Transaksi” juga termasuk “Transaksi Debit.”

“**Had Transaksi**” bermaksud had harian terkumpul maksimum yang berkaitan yang dibenarkan oleh Bank, dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad oleh Bank dari semasa ke semasa berhubung dengan setiap jenis Transaksi yang mungkin tersedia kepada Pemegang Kad.

“**Jumlah Transaksi**” bermaksud jumlah keseluruhan Transaksi Debit dan Transaksi ATM Pemegang Kad; dan

- 1.2 Perkataan yang membawa maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.

2. PENGELUARAN KAD DAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- 2.1 Kad dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad berdasarkan konsep Shariah iaitu Ujrah yang merujuk kepada pembayaran sebagai balasan untuk perkhidmatan yang disediakan. Jenis perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan akan ditentukan oleh Bank.
- 2.2 Pemegang Kad seterusnya bersetuju bahawa tempoh perkhidmatan adalah untuk tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank boleh melanjutkan tempoh dari tahun ke tahun atau untuk sebarang tempoh lain yang dianggap wajar oleh Bank. Jika perkhidmatan tidak dilanjutkan oleh Bank, maka perkhidmatan tidak akan lagi disediakan pada Tarikh Luput dan sebarang jumlah yang kena dibayar kepada Bank di bawah perkhidmatan dan sehingga Tarikh Luput dan / atau tarikh penamatan Kad akan menjadi perlu dibayar dengan sepenuhnya. Perkhidmatan adalah tertakluk kepada semakan berkala menurut budi bicara Bank dan sebarang jumlah yang kena dibayar kepada Bank adalah perlu dibayar apabila dituntut.

- 2.3 Di samping perkara di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa Kad dikeluarkan untuk digunakan berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa menurut baki yang tersedia di dalam Akaun Ditetapkan, sepanjang tempoh sah Kad (termasuk sebarang tempoh yang dibaharui), termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-
- (a) untuk memudahkan pembelian dan pemerolehan barangan dan/atau perkhidmatan daripada Peniaga Sah; dan/atau
 - (b) mengendalikan pelbagai akaun perbankan yang dibuka untuk Pemegang Kad bersama-sama dengan penggunaan Kad; dan/atau
 - (c) kemudahan lain, tertakluk kepada perkiraan bertulis terdahulu dengan Bank; (dirujuk secara kolektif sebagai “Perkhidmatan”)

3. PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN KAD

- 3.1 Setelah Pemegang Kad membuka akaun dan membuat permohonan di mana-mana cawangan Bank di Malaysia, Pemegang Kad boleh dikeluarkan Kad dan PIN permulaan untuk membolehkan Pemegang Kad menggunakan Kad dan mendapat akses kepada perkhidmatan ATM.
- 3.2 Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa PIN permulaan boleh dihantar oleh Bank kepada Pemegang Kad melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) kepada nombor mudah alih sah Pemegang Kad yang berdaftar dengan Bank atau PIN Mailer (sekiranya Pemegang Kad tidak mempunyai nombor mudah alih sah yang berdaftar dengan Bank, PIN permulaan akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad).
- 3.3 Pemegang Kad hendaklah mengesahkan Kad untuk digunakan dengan menandatangani panel tandatangan di bahagian belakang Kad dan setelah menerima PIN, Pemegang Kad hendaklah menukar PIN permulaan untuk Kad di ATM Bank sendiri, laman web Bank yang selamat dan/atau saluran selamat lain yang dibenarkan oleh Bank dalam masa tujuh (7) hari atau seperti yang ditetapkan oleh Bank. Semasa memilih PIN Pemegang Kad, Pemegang Kad TIDAK BOLEH memilih PIN yang ketara atau mudah diramal, termasuk:-
- (a) yang merupakan tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefonnya;
 - (b) jika PIN adalah abjad, yang merupakan bahagian yang mudah dikenal daripada namanya;
 - (c) yang terdiri daripada nombor yang berturut (misalnya 12345); atau
 - (d) yang terdiri daripada semua nombor yang sama (misalnya 111111)
- 3.4 Jika Pemegang Kad lupa PIN Pemegang Kad, Bank akan memberikan PIN permulaan yang baharu kepada Pemegang Kad apabila diminta oleh Pemegang Kad.
- 3.5 Jika Kad hilang atau dicuri seperti yang dilaporkan oleh Pemegang Kad dan Bank bersetuju memberikan Kad baharu kepada Pemegang Kad, PIN permulaan untuk Kad baharu juga akan dikeluarkan. Pemegang Kad tidak boleh menggunakan PIN sedia adanya dengan Kad gantian.
- 3.6 Pemegang Kad hendaklah merahsiakan PIN Pemegang Kad dan tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan PIN kepada sesiapa jua dalam apa keadaan jua.
- 3.7 Pemegang Kad hendaklah memastikan jumlah transaksi adalah tepat sebelum menandatangani apa-apa baucer atau rekod transaksi dan sebelum memasukkan PIN Pemegang Kad di mana-mana terminal ‘point of sale’ elektronik yang memerlukan kemasukan PIN Pemegang Kad. Dengan menandatangani baucer atau rekod transaksi atau memasukkan PIN Pemegang Kad atau sebaliknya menggunakan Kad Pemegang Kad di mana-mana terminal ‘point of sale’ elektronik, Pemegang Kad dianggap menyetujui transaksi dan mengesahkan bahawa jumlah adalah tepat.

- 3.8 Pemegang Kad membenarkan dan bersetuju bahawa PIN akan berfungsi sebagai cara untuk mengesahkan dan menentusahkan identiti Pemegang Kad kepada Bank bagi tujuan:-(i) transaksi yang dirancang di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini; dan (ii) membolehkan Pemegang Kad melanggan dan mendaftar diri untuk perkhidmatan perbankan internet yang disediakan di bawah CIMB Clicks (di bawah terma-terma perkhidmatan tersebut) yang akan memberikan akses secara elektronik buat Pemegang Kad kepada akaun bank lain Pemegang Kad, kemudahan perbankan dan produk dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh Bank dan CIMB Bank Berhad. Dalam hal ini, Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk menerima, mengikut dan mengambil tindakan terhadap semua arahan Pemegang Kad apabila dikenal pasti melalui PIN Pemegang Kad (termasuk permohonan untuk membuka akaun dan supaya produk dan perkhidmatan tambahan disediakan kepada Pemegang Kad) dan Bank tidak akan bertanggungjawab apabila Bank bertindak berdasarkan arahan tersebut dengan niat baik. Arahan sedemikian akan dianggap tak boleh batal dan mengikat terhadap Pemegang Kad apabila Bank menerimanya meskipun jika arahan tersebut mengandungi sebarang kesilapan, penipuan, pemalsuan, tidak jelas atau disalah faham. Bank berhak bergantung kepada PIN sebagai bukti konklusif mengenai identiti Pemegang Kad tetapi jika Bank ragu-ragu atau tidak pasti tentang identiti Pemegang Kad, Bank masih boleh meminta sebarang bentuk atau cara pengenalan lain yang dianggapnya wajar menurut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Pemegang Kad mengakui bahawa penerimaan Kad merupakan bukti yang mengikat dan konklusif bahawa Pemegang Kad akan terikat oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 3.9 Pemegang Kad hendaklah mematuhi semua keperluan, arahan dan garis panduan untuk penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berhubung dengan semua perkhidmatan yang diberikan kepada Pemegang Kad.
- 3.10 Kad hanya sah sehingga Tarikh Luput dan boleh digunakan untuk membuat semua Transaksi termasuk perkhidmatan "Pembayaran Bil Automatik" yang mungkin diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja Kad luput, Kad hendaklah dimusnahkan dengan memotongnya menyerong menjadi dua bahagian dan memulangkannya kepada Bank untuk kad gantian.
- 3.11 Kad tidak boleh digunakan selepas dibatalkan, luput atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank.
- 3.12 Pemegang Kad hendaklah menggunakan Kad dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk pengeluaran wang tunai, pembayaran atau pemindahan dana kecuali terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaunnya. Apa-apa pengeluaran wang tunai, pembayaran atau pemindahan dana akan ditolak jika dana di dalam Akaun tidak mencukupi. Jika Akaun Pemegang Kad terlebih keluar, Pemegang Kad hendaklah, apabila dituntut oleh Bank, menjelaskan jumlah yang terlebih keluar dicampur sebarang pampasan untuk pembayaran lewat (Ta'widh) yang dinyatakan di dalam terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun.
- 3.13 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk sebarang aktiviti haram yang menyalahi undang-undang termasuk pertaruhan dalam talian yang haram. Bank berhak untuk dengan serta-merta menamatkan kemudahan Kad jika Pemegang Kad didapati menggunakan Kad untuk sebarang aktiviti haram dan Pemegang Kad hendaklah menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya terhadap semua tuntutan, tindakan, prosiding, kerugian, perbelanjaan (termasuk kos guaman antara peguamcara dan anakguam sendiri), cukai dan duti dan semua liabiliti lain tidak kira sifat atau jenisnya yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa cara jua berbangkit daripada penggunaan Kad oleh Pemegang Kad untuk sebarang aktiviti haram.
- 3.14 Pemegang Kad boleh meminta Bank untuk mengubah sebarang Had Transaksi kepada had lebih rendah tetapi Bank tidak mempunyai kewajiban untuk menyetujui permintaan Pemegang Kad. Perubahan pada sebarang Had Transaksi adalah sentiasa tertakluk kepada sebarang terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa. Lanjutan pada perkara di atas, Bank turut merizab haknya untuk mengubah sebarang Had Transaksi pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya.

- 3.15 Apa-apa borang atau resit yang ditandatangani oleh Pemegang Kad dan/atau Transaksi yang dikenal pasti melalui PIN Pemegang Kad dan/atau sebarang transaksi yang disahkan dan atau dilaksanakan secara elektronik oleh Pemegang Kad berkaitan dengan sebarang Transaksi sebelum, semasa atau selepas transaksi atau perkara dilaksanakan ('transaksi di atas') akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pemegang Kad.

Tanpa menjejaskan sifat am perkara yang disebut sebelum ini, Pemegang Kad seterusnya bersetuju bahawa buku dan atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas juga akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pemegang Kad.

4. KAD DENGAN CIRI-CIRI YANG MEMBOLEHKAN TRANSAKSI TANPA SENTUH

- 4.1 Pemegang Kad mengakui bahawa Kad-kad tertentu yang dikeluarkan oleh Bank akan menggabungkan ciri yang membolehkan Kad digunakan untuk membuat pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan dengan meletakkan atau menggerakkan Kad pada pembaca / terminal tanpa sentuh ("Transaksi Tanpa Sentuh"). Kad-kad ini dan peranti dan terminal yang berkaitan mungkin mempunyai logo dan jenama MasterCard "PayPass" atau sebarang logo atau jenama yang boleh ditentukan oleh Bank atau MasterCard dari semasa ke semasa.
- 4.2 Transaksi Tanpa Sentuh yang tidak melebihi jumlah yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa boleh diproses dan Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad akan didebit dengan jumlah Transaksi Tanpa Sentuh tanpa menghendaki:-
- Kad dilalukan pada pembaca jalur magnet;
 - Cip Kad dibaca oleh terminal cip; atau
 - Tandatangan Pemegang Kad atau kemasukan PIN Pemegang Kad untuk membenarkan transaksi.
- 4.3 Dengan menerima Kad yang boleh digunakan untuk Transaksi Tanpa Sentuh dan menggunakannya untuk melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuh atau dalam sebarang cara lain pun jua (termasuk menggunakannya dalam cara biasa iaitu melalukannya pada pembaca jalur magnet atau di pembaca cip atau sebaliknya) Pemegang Kad berakujanji untuk menggunakan Kad selaras dengan dan bersetuju terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini.
- 4.4 Tanpa prejudis kepada perkara yang disebut sebelum ini, Pemegang Kad berakujanji untuk bertanggungjawab bagi semua Transaksi Tanpa Sentuh yang ditanggung menggunakan Kad dan dicatat di dalam Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad. Semua Transaksi Tanpa Sentuh akan dianggap dibenarkan dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad kecuali Pemegang Kad boleh menunjukkan bukti konklusif yang menyatakan sebaliknya. Dalam hal ini, Pemegang Kad mengakui bahawa Transaksi Tanpa Sentuh tanpa kebenaran boleh dilaksanakan dengan mudah dan menerima risikonya.

5. PEMILIKAN KAD

- 5.1 Kad hendaklah kekal sebagai harta Bank pada setiap masa dan Pemegang Kad hendaklah menyerahkan Kad kepada Bank dengan segera apabila diminta. Pemegang Kad tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan atau pemilikan Kad untuk apa-apa kegunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 5.2 Pemegang Kad hanya boleh diberikan satu Kad pada satu-satu masa, tertakluk kepada budi bicara mutlak Bank untuk memberikan lebih daripada satu Kad kepada Pemegang Kad seperti yang dianggap sesuai oleh Bank.

6. KECURIAN ATAU KEHILANGAN KAD

- 6.1 Kecuali diperuntukkan selepas ini, Pemegang Kad hendaklah dalam semua keadaan menanggung tanggungjawab penuh bagi semua Transaksi termasuk sebarang kesilapan masukan pada terminal '*point of sales*' dan sama ada diproses dengan pengetahuan, kebenaran atau kuasa Pemegang Kad atau tidak. Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Ditetapkan Pemegang Kad dengan jumlah sebarang pembayaran, pembelian, pengeluaran wang tunai atau pemindahan dana yang dilaksanakan dengan Kad selaras dengan rekod transaksi Bank.
- 6.2 Pemegang Kad mempunyai kewajiban untuk benar-benar menggunakan sikap berjaga-jaga, ketekunan dan langkah beringat untuk menghalang kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad dengan menipu dan untuk menghalang pendedahan butir-butir Kad atau PIN kepada mana-mana orang lain dan Pemegang Kad hendaklah menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas sebarang liabiliti untuk kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya) berbangkit daripada kemungkiran kewajiban tersebut oleh Pemegang Kad. Kewajipan untuk benar-benar menggunakan sikap berjaga-jaga, ketekunan dan langkah beringat untuk menghalang kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad dengan menipu dan untuk menghalang pendedahan PIN Pemegang Kad kepada mana-mana orang lain termasuk:-
- tidak menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Kad.
 - tidak akan membenarkan orang lain menggunakan Kad.
 - tidak akan menulis PIN di atas Kad atau apa-apa benda yang biasanya disimpan dengan Kad.
 - tidak akan menulis PIN dalam cara yang boleh difahami oleh orang lain.
 - tidak akan mendedahkan/memberitahu/memaklumkan PIN kepada orang lain.
 - tidak akan melepaskan milikan Kad.
- 6.3 Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank:-
- (i) secara lisan atau bertulis dengan serta-merta tentang sebarang kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN kepada sesiapa jua;
 - (ii) dengan serta-merta selepas mendapat tahu bahawa Kad hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah didedahkan;
 - (iii) dengan serta-merta apabila menerima amaran transaksi melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) jika transaksi tersebut adalah tanpa kebenaran; dan
 - (iv) dengan serta-merta tentang apa-apa perubahan pada nombor telefon Pemegang Kad.
- 6.4 Menurut budi bicara mutlak Bank, Bank boleh berdasarkan fakta dan keadaan yang ditentukan oleh Bank, menghendaki Pemegang Kad memberikan kepada Bank satu laporan polis dalam masa tujuh (7) hari kalendar dari tarikh kehilangan dan/atau kecurian dan/atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga. Pemegang Kad dengan ini secara tak boleh batal dan dengan tidak bersyarat memberi kebenaran bahawa Bank boleh (tetapi tidak mempunyai kewajiban untuk) merakamkan arahan telefon yang disebut sebelum ini secara bertulis dan/atau melalui rakaman pita dan/atau melalui sebarang kaedah lain dan rekod apa-apa arahan tersebut adalah konklusif dan mengikat Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini secara nyata memberi kebenaran bahawa arahan telefon boleh dirakamkan dan dengan ini mengakui bahawa sebarang dan/atau semua rekod yang disimpan oleh Bank adalah konklusif dan mengikat bagi semua tujuan.
- 6.5 Bank berhak mengambil tindakan terhadap sebarang arahan yang diberikan oleh Pemegang Kad dan tidak akan bertanggungjawab kerana bertindak dengan niat baik berdasarkan arahan telefon yang diberikan oleh orang tersebut tidak kira keadaan yang wujud pada masa arahan tersebut dan sebarang tindakan yang diambil oleh Bank selaras dengannya hendaklah mengikat Pemegang Kad dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung olehnya akibat tindakan sedemikian.
- 6.6 Pemegang Kad mengakui bahawa sebagai balasan bagi Bank bertindak selaras dengan arahan telefon di atas atau Pemegang Kad membenarkan Bank merakamkan rakaman semua atau mana-mana panggilan telefon Pemegang Kad dengan Bank, selaras dengan Klausula 6.4 di atas, untuk membolehkan Bank menyimpan rakaman pita semua atau sebarang arahan yang diberikan oleh Pemegang Kad atau dikatakan dalam nama Pemegang Kad kepada Bank, Pemegang Kad dengan ini bersetuju menanggung rugi Bank

dan terus menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, prosiding, gantirugi, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Bank yang walau bagaimanapun jua berbangkit daripada atau berhubung dengan semua arahan yang disebut sebelum ini.

6.7 Jika Kad hilang/dicuri dan/atau PIN didedahkan, Pemegang Kad adalah dan akan terus bertanggungjawab kepada Bank untuk caj yang ditanggung termasuk caj kewangan yang ditanggung untuk apa-apa barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga, yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad oleh mana-mana orang sebelum Bank menerima maklumat bertulis atau lisan oleh Pemegang Kad tentang kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk:

6.7.1 Transaksi tanpa kebenaran yang berasaskan PIN jika Pemegang Kad:-

- (i) bertindak dengan menipu;
- (ii) lewat memaklumkan Bank secepat yang mungkin secara munasabah setelah mendapat tahu tentang kehilangan Kad atau kegunaannya tanpa kebenaran;
- (iii) dengan sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
- (iv) mencatat PIN pada Kad, atau pada apa jua barang yang disimpan dengan Kad dan yang mungkin hilang atau dicuri bersama-sama dengan Kad.

6.7.2 Transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan Kad tanpa sentuh, jika Pemegang Kad:-

- (i) bertindak dengan menipu;
- (ii) lewat memaklumkan Bank secepat yang mungkin secara munasabah setelah mendapat tahu tentang kehilangan Kad atau kegunaannya tanpa kebenaran;
- (iii) meninggalkan Kad atau barang yang mengandungi Kad tidak dijaga, di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain atau gagal melaksanakan sikap berjaga-jaga yang wajar untuk melindungi Kad di tempat kediaman Pemegang Kad; atau
- (iv) dengan sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad.

Jika Pemegang Kad tidak berpuas hati dengan penyiasatan dan keputusan Bank berhubung dengan transaksi tanpa kebenaran dan apa-apa perkara yang berbangkit daripada klausa ini, Pemegang Kad boleh merujuk pertikaian kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Jika Kad yang hilang atau dicuri diperolehi kembali, Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menggunakan Kad yang telah diperolehi kembali tersebut dan hendaklah dengan serta-merta memotong Kad tersebut kepada dua bahagian merentas jalur magnet dan merentas cip.

6.8 Bank boleh, atas permintaan Pemegang Kad, tetapi tanpa mempunyai kewajipan di sisi undang-undang, menggantikan Kad yang hilang atau dicuri dengan pembayaran fi dan terhadap sebarang tanggung rugi yang mungkin dikehendaki oleh Bank daripada Pemegang Kad. Kad gantian hendaklah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini seolah-olah ia adalah Kad asal.

7. AKAUN DITETAPKAN

7.1 Semua bayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dilaksanakan dengan menggunakan dengan Kad, fi tahunan dan semua caj tambahan hendaklah didebit kepada Akaun Ditetapkan dalam mata wang bil, tempatan atau luar negara, dan hendaklah ditunjukkan dalam Penyata.

7.2 Jika atas apa-apa alasan, Akaun Ditetapkan terlebih keluar, Pemegang Kad hendaklah, apabila dituntut oleh Bank, membayar jumlah yang terlebih keluar berserta apa-apa faedah. Sekiranya Bank memberikan kemudahan Cashline-i kepada Pemegang Kad, yang dihubungkan dengan Akaun Ditetapkan, maka terma-terma dan syarat-syarat yang wujud berhubung dengan kemudahan Cashline-i yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Kad hendaklah diguna pakai.

7.3 Pemegang Kad hendaklah dalam semua keadaan, bertanggungjawab sepenuhnya atas semua Transaksi yang diproses dengan menggunakan Kad, sama ada diproses dengan pengetahuan, persetujuan atau kebenaran Pemegang Kad atau tidak termasuk tanpa had jika Pemegang Kad melakukan sebarang kesilapan masukan di terminal 'Point of Sale'. Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank mendebit Akaun Ditetapkan dan atau Akaun Pemegang Kad untuk apa-apa Transaksi dengan jumlah apa-apa

pembayaran, pembelian, pengeluaran tunai atau pemindahan wang yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad menurut rekod transaksi Bank.

8. BAKI DIPEGANG DALAM AKAUN DITETAPKAN

- 8.1 Bank boleh menentukan Baki Dipegang untuk tujuan apa-apa Transaksi Debit yang dicadangkan agar dilaksanakan terhadap Kad. Jumlah Baki Dipegang dan tempoh Baki Dipegang itu boleh dikekalkan, hendaklah ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlak. Bank boleh, mengikut budi bicara tunggalnya, mendebit Akaun Ditetapkan dengan jumlah Baki Dipegang (atau mana-mana bahagian daripadanya) tidak kiralah sama ada jumlah tersebut mewakili Transaksi Debit atau tidak. Jika Bank mendebit apa-apa jumlah daripada Akaun Ditetapkan seperti yang disebut sebelum ini, dan Bank kemudiannya menentukan bahawa jumlah tersebut (atau mana-mana bahagian daripadanya) tidak sepatutnya didebit, Bank akan mengkreditkan semula jumlah tersebut ke dalam Akaun Ditetapkan tanpa faedah.
- 8.2 Jika Kad digunakan di pam bahan api automatik untuk membuat bayaran bagi transaksi petrol, jumlah yang dibenarkan terdahulu sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM 200) akan dikenakan terhadap Akaun Ditetapkan anda. Bank hanya akan meletakkan jumlah sebenar transaksi dan melepaskan sebarang jumlah pegangan lebih daripada Akaun Ditetapkan anda dalam masa tiga (3) hari selepas tarikh transaksi petrol tersebut.
- 8.3 Baki yang ada dalam Akaun untuk kegunaan Pemegang Kad akan dikurangkan sebanyak Baki Dipegang.
- 8.4 Bank terus mempunyai budi bicara mutlak untuk mendebit Akaun bagi jumlah sebarang pengeluaran, pemindahan dan/atau sebarang Transaksi lain yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad, pada bila-bila masa selepas Baki Dipegang dilepaskan.
- 8.5 Bank hanya akan mengkreditkan Akaun dengan bayaran balik yang dibuat oleh mana-mana Peniaga Sah atau syarikat berhubung dengan apa-apa Transaksi selepas Bank menerima baucar kredit yang dikeluarkan sewajarnya.

9. TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 9.1 Transaksi CNP yang tidak disahkan melalui kaedah pengesahan yang ketat seperti kata laluan yang dinamik atau sebarang transaksi luar negara menggunakan Kad dan/atau Akaun Ditetapkan adalah dilarang kecuali Pemegang Kad dengan nyata memilih untuk melaksanakan transaksi sedemikian dan memaklumkan Bank tentangnya dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank atau sebarang saluran lain yang boleh disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.2 Jika Pemegang Kad memilih untuk melaksanakan transaksi CNP atau transaksi luar negara sedemikian, Pemegang Kad berakujanji untuk bertanggungjawab untuk semua transaksi CNP dan transaksi luar negara yang dikenakan terhadap Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad dan semua transaksi tersebut akan dianggap dibenarkan dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad kecuali Pemegang Kad menunjukkan bukti konklusif yang menyatakan sebaliknya. Dalam hal ini, Pemegang Kad mengakui bahawa transaksi CNP dan transaksi luar negara tanpa kebenaran boleh dilaksanakan dengan mudah dan menerima risikonya.
- 9.3 Jika Pemegang Kad memilih untuk melaksanakan transaksi CNP atau transaksi luar negara, Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk selepas itu menahan transaksi sedemikian dengan memaklumkan Bank tentangnya dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank atau sebarang saluran lain yang boleh disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.4 Jika jumlah apa-apa Transaksi didenominasikan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, Transaksi tersebut akan dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada sebarang masa dan kadar pertukaran seperti yang akan ditetapkan oleh MasterCard International atau Bank menurut amalan biasanya dan mengikut budi bicara mutlak. Pemegang Kad hendaklah menanggung semua risiko, kerugian, fi dan caj bagi pertukaran yang mungkin timbul daripadanya.

- 9.5 Semua Transaksi yang dibuat di luar Malaysia adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan undang-undang yang wujud di negara di mana Transaksi dilaksanakan. Penggunaan Kad untuk transaksi luar negara adalah tertakluk kepada semua garis panduan, kaedah, peraturan atau sekatan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan lain dari semasa ke semasa yang dikenakan terhadap Transaksi tersebut.
- 9.6 Bank boleh pada bila-bila masa menggantung atau menamatkan keupayaan Pemegang Kad untuk menggunakan Kad di mana-mana ATM atau dengan peniaga sah di luar Malaysia dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Pemegang Kad yang walau bagaimanapun jua berbangkit daripada penggantungan atau penamatan tersebut.
- 9.7 Pemegang Kad hendaklah membayar kepada Bank semua fi dan caj yang akan atau yang boleh dikenakan atau ditanggung oleh Bank dari semasa ke semasa berhubung dengan penggunaan Kad di luar Malaysia oleh Pemegang Kad.

10. PENYATA

- 10.1 Bank akan memberikan kepada Pemegang Kad satu e-Penyata Kad Debit bulanan. Pemegang Kad boleh mengakses Penyata secara percuma melalui perkhidmatan perbankan internet Bank.
- 10.2 Rekod dan masukan dalam Akaun Ditetapkan yang kelihatan dalam Penyata, yang diberikan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Ditetapkan, akan dianggap tepat dan mengikat Pemegang Kad kecuali notis bertulis sebaliknya diberikan kepada Bank oleh Pemegang Kad dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh buku simpanan dikemaskinikan, tarikh transaksi dimasukkan dalam talian atau tarikh Penyata, mengikut keadaan.
- 10.3 Jika Pemegang Kad, atas apa-apa alasan sekalipun, dalam tempoh empat belas (14) hari, tidak memberitahu Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan dalam Penyata selaras dengan Klausula 10.2 di atas, Pemegang Kad hendaklah dianggap menerima masukan dalam Penyata. Penyata tersebut hendaklah dianggap sebagai muktamad dan mengikat Pemegang Kad serta wakil dan pengganti yang sah bagi Pemegang Kad, dan dihalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap Bank.

11. AKAUN BERSAMA (Terpakai kepada Akaun Bersama dalam nama dua atau lebih daripada dua orang)

- 11.1 Bank boleh menurut budi bicara mutlaknya mengeluarkan Kad tambahan kepada pemegang bersama akaun bersama dengan syarat bahawa syarat untuk mengendalikan akaun bersama adalah agar mana-mana satu boleh mengendalikannya. Pemegang akaun bersama hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan bagi tujuan ini kata-kata yang menandakan bilangan mufrad akan dianggap termasuk bilangan jamak. Bank melaksanakan kewajipannya dengan memaklumkan mana-mana orang yang dinamakan dalam akaun bersama.
- 11.2 Untuk pemegang akaun bersama, mana-mana satu pemegang akaun boleh mengeluarkan arahan dan memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan sebarang Transaksi terhadap Akaun Ditetapkan. Semua Transaksi yang berbangkit daripadanya hendaklah mengikat semua pemegang akaun bersama yang bertanggungjawab secara bersama dan berasingan.
- 11.3 Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan berakujanji untuk menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan terhadap kerugian, tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain yang walau bagaimanapun dan pada bila-bila masa jua ditanggung yang berbangkit daripada sebarang kebenaran yang dikeluarkan oleh mana-mana pemegang akaun bersama dan penggunaan Kad oleh pemegang bersama akaun bersama.

12. HAK TOLAKAN

Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh, dengan memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Kad, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana Akaun Pemegang Kad dengan Bank dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam sebarang mata wang lain atau menolak atau memindahkan jumlah kredit dalam sebarang Akaun sedemikian untuk atau bagi tujuan menjelaskan semua jumlah yang kena dibayar kepada Bank kini atau selepas ini selaras dengan Transaksi dan boleh berbuat demikian meskipun baki dalam Akaun dan jumlah yang kena dibayar mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama dan Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan sebarang penggabungan penyatuan tolakan atau pemindahan dengan pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran semasa Bank yang akan ditentukan oleh Bank menurut budi bicara mutlaknyanya. Sementara menunggu Bank melaksanakan tolakan tersebut, Bank berhak menahan dan atau menggantung sebarang dana yang tersedia dalam Akaun Pemegang Kad terhadap baki belum dijelaskan Pemegang Kad apabila notis dikeluarkan kepada Pemegang Kad.

13. BUDI BICARA BANK

- 13.1 Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya dan tanpa memberikan notis terdahulu atau alasan untuk tidak meluluskan apa-apa Transaksi walaupun Baki Semasa yang ada membolehkan apa-apa Transaksi yang dicadangkan itu dilaksanakan, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti kepada Pemegang Kad untuk:
- 13.1.1 menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad sepenuhnya atau berhubung dengan kemudahan tertentu; dan/atau
 - 13.1.2 enggan mengeluarkan semula, membaharui atau menggantikan Kad, dalam apa-apa keadaan, tanpa menjejaskan obligasi Pemegang Kad di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang akan terus berkuat kuasa dan tiada pembayaran balik bagi apa-apa fi tahunan atau fi lain yang dibayar jika hak untuk menggunakan Kad digantung sedemikian oleh Bank atau jika Kad tidak diperbaharui atau diganti sedemikian; dan/atau
 - 13.1.3 enggan melaksanakan apa-apa Transaksi jika Bank mempunyai sebarang sebab untuk meragui kesahihannya, yang tidak dibenarkan oleh Pemegang Kad atas apa-apa sebab atau jika pada pendapat Bank, Transaksi menyalahi undang-undang atau tidak wajar.

14. PENAMATAN

- 14.1 The Pemegang Kad boleh menamatkan penggunaan Kadnya dengan memberikan notis penamatan bertulis kepada Bank dan memulangkan Kad yang dipotong dua kepada Bank, dan dengan itu penggunaan Kad akan ditamatkan.
- 14.2 Bank boleh, pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya dan tanpa memberikan apa-apa alasan, menamatkan penggunaan Kad. Tanpa menjejaskan sifat am perkara yang disebut di atas, Bank boleh menamatkan penggunaan Kad dengan serta-merta, dengan atau tanpa notis, apabila berlaku mana-mana satu atau lebih daripada satu kejadian berikut:-
- 14.2.1 kebangkrapan, insolvensi, kematian atau ketidakupayaan Pemegang Kad dan/atau
 - 14.2.2 jika Pemegang Kad didapati menggunakan Kad untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang iaitu aktiviti yang dilarang di sisi undang-undang seperti pertaruhan haram dalam talian satu aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan/atau
 - 14.2.3 sebarang kemungkiran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh Pemegang Kad.
- 14.3 Bank mempunyai budi bicara untuk menamatkan Kad jika wang tidak mencukupi dalam Akaun Ditetapkan Pemegang Kad untuk menjelaskan Transaksi Debit, selepas memberikan notis bertulis empat belas (14) hari kepada Pemegang Kad.

15. PENGECUALIAN LIABILITI

- 15.1 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa perbuatan atau ketinggalan oleh mana-mana peniaga yang menerima Kad, atas apa jua sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa keengganan untuk menerima Kad atau apa-apa kenyataan atau komunikasi lain yang dibuat berhubung dengannya, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan. Pemegang Kad mesti berhubung secara terus dengan peniaga tentang apa-apa tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank daripada Akaun Ditetapkan terhadap tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 15.2 Bank tidak bertanggungjawab jika Bank tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini disebabkan oleh, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa pertikaian perindustrian, peperangan, bencana alam atau apa sahaja di luar kawalan Bank, pengkhidmatnya atau agennya.
- 15.3 Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara, disebabkan oleh apa-apa kerugian, kerosakan atau kemudaratan yang walau bagaimanapun jua diakibatkan atau jika Kad tidak diterima, disebabkan oleh apa-apa kerosakan atau kepercangan mekanikal mana-mana ATM, terminal 'Point of Sale', rangkaian internet atau terminal atau saluran lain yang disediakan untuk Pemegang Kad atau disebabkan terputusnya atau terganggunya bekalan kuasa.
- 15.4 Meskipun dan tanpa menjejaskan sifat am klausa-klausa dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Pemegang Kad hendaklah bersetuju secara nyata bahawa penggunaan Kad adalah atas risikonya sendiri dan hendaklah menanggung semua risiko yang sampingan dengan atau yang timbul daripada penggunaan Kad.
- 15.5 Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan melalui transaksi internet, Pemegang Kad hendaklah semata-mata bertanggungjawab pada semua masa terhadap keselamatan Kad dan Transaksi tersebut. Pemegang Kad bersetuju bahawa kemasukan maklumat Kad di laman internet bagi pembelian yang dikatakan adalah bukti yang cukup tentang kesahihan Transaksi. Bank tidak mempunyai sebarang obligasi untuk menentusahkan identiti atau kuasa orang yang memasukkan maklumat Kad dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas Transaksi yang dimasuki menggunakan maklumat Kad tidak kiralah sama ada orang tersebut dibenarkan atau tidak dibenarkan.

16. PERUBAHAN

- 16.1 Bank berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar, menambah, memotong atau meminda sebarang peruntukan yang dinyatakan di dalam ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Apa-apa perubahan, tambahan, pemotongan atau pindaan ("Pindaan") kepada peruntukan di dalam ini adalah mengikat terhadap Pemegang Kad dan Bank dianggap telah membawa kepada perhatian Pemegang Kad dengan: (i) memaparkan Pindaan di premis dan laman web Bank dan peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan di dalam notis itu sendiri atau diberikan kepada Pemegang Kad apabila diminta; atau (ii) melalui notis yang dihantar oleh Bank ke alamat Pemegang Kad yang terakhir diketahui; atau (iii) diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) melalui mel elektronik; atau (v) melalui ATM atau sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap Pemegang Kad dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang boleh ditetapkan oleh Bank dalam makluman.
- 16.2 Jika Pemegang Kad tidak menerima perubahan tersebut, Pemegang Kad boleh, dalam masa 7 hari selepas Bank memberikan notis sedemikian, menamatkan penggunaan Kad dalam cara yang diperuntukkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 16.3 Jika Pemegang Kad menyimpan atau menggunakan Kad selepas Bank telah memberikan notis tentang apa-apa perubahan dalam Perjanjian ini, Pemegang Kad dianggap menerima dan menyetujui perubahan sedemikian tanpa syarat.

17. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

- 17.1 Sebarang perubahan pada alamat e-mel dan atau alamat pos dan atau nombor telefon dan atau tandatangan dan atau butir-butir lain Pemegang Kad yang direkodkan dengan Bank hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Bank.
- 17.2 Semua komunikasi yang dihantar oleh Bank melalui mel elektronik dan atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan atau melalui pos atau ditinggalkan di alamat Pemegang Kad yang terakhir didaftarkan dengan Bank, akan dianggap diserahkan kepada dan diterima oleh Pemegang Kad.

18. FI DAN CAJ

Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank berhak mengenakan fi dan caj untuk sebarang perkhidmatannya yang disediakan kepada Pemegang Kad, selaras dengan amalan semasa Bank. Fi dan caj sedemikian hendaklah ditanggung oleh Pemegang Kad. Fi dan caj yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini dinyatakan jika berkenaan. Sekiranya berlaku sebarang perubahan terhadap fi dan caj yang dikenakan terhadap Kad dan/atau perkhidmatannya yang diberikan, makluman mengenai perubahan tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang Kad selewat-lewatnya 21 hari kalendar sebelum tarikh perubahan tersebut berkuat kuasa. Makluman sedemikian hendaklah disampaikan kepada Pemegang Kad secara bertulis atau secara elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di ruang perbankan dan laman web Bank. Semua fi dan caj tersebut boleh didebit daripada sebarang akaun yang dipegang oleh Pemegang Kad dengan Bank.

19. TANGGUNG RUGI

Pemegang Kad berakujanji untuk menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman antara peguamcara dan anakguamnya), cukai dan duti dan semua liabiliti lain tidak kira jenis atau deskripsinya yang boleh dibuat, diambil, ditanggung atau dialami oleh Pemegang Kad dan/atau Bank berhubung dengan, atau dalam apa-apa cara berbangkit daripada penyediaan perkhidmatan, penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh Pemegang Kad dan/atau semua transaksi yang dilaksanakan dengan Kad (meskipun transaksi tersebut mungkin menipu atau tidak dibenarkan).

20. PENDEDAHAN MAKLUMAT

20.1 Tertakluk kepada peruntukan di bawah yang (i) melarang pendedahan maklumat kepada Syarikat-syarikat Kumpulan jika dibantah oleh Pemegang Kad; dan (ii) menghendaki kebenaran nyata daripada Pemegang Kad untuk pendedahan maklumat kepada pihak ketiga bagi tujuan yang dinyatakan, Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada mana-mana agen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam, penasihat profesionalnya, penyedia cagaran dan penjamin di dalam atau di luar Malaysia dan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank serta syarikat-syarikat dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("Syarikat-syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat-syarikat Kumpulan tersebut menetap, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia sebarang maklumat berkaitan dengan Pemegang Kad, urusan Pemegang Kad dan/atau sebarang akaun yang dipegang oleh Pemegang Kad dengan Bank untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan oleh atau diberikan atau disediakan oleh Bank dan/ atau Syarikat-syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada membenarkan Bank melakukan perkara berikut:-

- (a) menggunakan, memaklumkan atau mendedahkan sebarang maklumat berkaitan dengan Pemegang Kad dan butir-butirnya berkaitan dengan Kad dalam sebarang cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank dari semasa ke semasa:
- (i) Kepada mana-mana peniaga, mana-mana bank atau institusi kewangan, MasterCard Worldwide dan mana-mana institusi ahli MasterCard Worldwide untuk memudahkan penggunaan Kad atau pemprosesan sebarang transaksi yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan melalui penggunaan Kad atau sebarang siasatan tidak kira jenisnya yang akan dilakukan; dan

- (ii) Untuk atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding yang diambil bagi tujuan mendapatkan balik wang yang kena dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

Pendedahan kepada Syarikat-syarikat Kumpulan adalah bagi tujuan memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/ atau Syarikat-syarikat Kumpulan dengan syarat sentiasa bahawa **pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak akan dilakukan jika pendedahan dibantah oleh Pemegang Kad** dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Kad): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. No. Pusat Panggilan: +603 6204 7788, E-mel: cru@cimb.com.

Selanjutnya, jika Bank bercadang untuk berkongsi maklumat Pemegang Kad (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun Pemegang Kad) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi, Bank hendaklah memastikan bahawa kebenaran Pemegang Kad diperolehi.

- 20.2 Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau agen Bank untuk menghubungi Pemegang Kad dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.
- 20.3 Tanpa menjejaskan perkara yang disebut sebelum ini dan berdasarkan alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon dan atau sebarang butir-butir hubungan lain Pemegang Kad yang sedia ada disimpan atau direkodkan dengan Bank, Bank dengan ini tanpa boleh dibatalkan, dibenarkan (tetapi tidak mempunyai kewajipan) untuk menghubungi dan / atau memaklumkan kepada Pemegang Kad melalui pos dan atau mel elektronik dan atau telefon dan atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan atau perkhidmatan kurier dan atau sebarang kaedah komunikasi lain yang dipilih oleh Bank mengikut budi bicara tunggalnya. Maklumat atau makluman yang dihantar oleh Bank akan merangkum sebarang maklumat atau makluman yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat tentang Akaun dan atau sebarang maklumat berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan atau mana-mana pihak lain yang dilaksanakan secara bersama dengan Bank.

21. NOTIS

- 21.1 Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis tentang apa-apa pertukaran alamat dan/atau pekerjaan atau perniagaan.
- 21.2 Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis tentang:-
- 21.2.1 apa-apa niat untuk menetap di luar Malaysia selama lebih daripada enam bulan;
- 21.2.2 apa-apa pertukaran alamat Pemegang Kad; dan
- 21.2.3 apa-apa perubahan lain dalam butiran Pemegang Kad atau apa-apa maklumat lain yang diminta oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 21.3 Apa-apa penyata akaun, surat-menyurat atau notis kepada Pemegang Kad boleh diserahkan dengan tangan atau dihantar melalui pos prabayar ke alamat Pemegang Kad yang dinyatakan dalam ATM/Borang Permohonan Kad Debit atau ke mana-mana alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap disampaikan sewajarnya pada masa Notis itu diposkan. Apa-apa kegagalan di pihak Pemegang Kad untuk memaklumkan apa-apa pertukaran alamatnya yang menyebabkan kelewatan penghantaran atau pemulangan apa-apa Penyata bulanan, surat-menyurat dan notis, tidak akan menjejaskan hak Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

22. KEBOLEHASINGAN

- 22.1 Ketaksahan atau ketidakbolehuatkuasaan mana-mana peruntukan dalam perjanjian ini tidak boleh membatalkan dengan ketara niat tersirat Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang tidak sah atau yang tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehuatkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di dalam ini yang akan terus berkuat kuasa dan berkesan dengan sepenuhnya.

23. KLAUSA PRIVASI

- 23.1 Pemegang Kad dengan ini mengesahkan bahawa Pemegang Kad telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbislamic.com) dan klausa-klausa di dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pemegang Kad. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pemegang Kad bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap digabungkan melalui rujukan ke dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 23.2 Sekiranya Pemegang Kad memberikan maklumat peribadi dan kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berhubung dengan waris dekat dan tanggungan Pemegang Kad, bagi tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pemegang Kad dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Kad (a) mengesahkan bahawa Pemegang Kad telah mendapatkan kebenaran mereka atau sebaliknya berhak memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju mengemaskinikan Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan material pada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) menyetujui hak Bank untuk menamatkan penggunaan Kad sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 23.3 Jika Pemegang Kad mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang jenis transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butir-butir yang relevan bagi transaksi rentas sempadan tersebut (termasuk maklumat berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) mungkin diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana maklumat tersebut boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan kewajipan sah mereka (misalnya pencegahan jenayah). Dengan mengarahkan Bank dan/atau agen kami agar memasuki sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemegang Kad, Pemegang Kad menyetujui pendedahan di atas bagi pihak Pemegang Kad dan pihak lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 23.4 Bank mungkin pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau di masa hadapan menjalankan semakan rujukan yang perlu termasuk tetapi tidak terhad semakan pelaporan/rujukan kredit dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membantu Bank memastikan status Pemegang Kad yang diperlukan untuk membuat keputusan, misalnya apabila Bank perlu (a) menyemak butir-butir mengenai permohonan bagi kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau kemudahan lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit, termasuk menjalankan semakan terhadap portfolio Pemegang Kad; mendapatkan balik hutang; dan/atau sebarang tujuan yang mempunyai kaitan atau hubungan dengan akaun/kemudahan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Pemegang Kad akan dipautkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada sebarang nama lain yang kini atau pernah digunakan oleh Pemegang Kad, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga mungkin berkongsi maklumat tentang Pemegang Kad dan bagaimana Pemegang Kad menguruskan akaun/kemudahan pemegang akaun dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang relevan.

- 23.5 Meskipun selepas Pemegang Kad memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum itu. Dalam keadaan sedemikian, Bank mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan apa-apa produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut.
- 23.6 Bagi tujuan Klausula 23 ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat yang dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan terkawal lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan “Bank” hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 23.7 Pemegang Kad selanjutnya bersetuju bahawa Bank tidak akan walau bagaimanapun pun bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan atau sebaliknya), kecederaan, perasaan malu atau liabiliti yang walau bagaimanapun jua berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian, liabiliti ketat atau sebarang asas (termasuk gantirugi langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) berbangkit daripada sebarang ketidaktepatan atau kehilangan, pemadaman atau modifikasi data atau atas sebarang sebab lain pun jua berkaitan dengan apa-apa maklumat yang diberikan oleh Bank kepada agensi pelaporan/rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut, mengikut keadaan, atau berkaitan dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut atau sandaran terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada diakibatkan oleh sebarang kerosakan teknikal, perkakasan atau perisian tidak kira jenisnya, gangguan, ralat, ketinggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya walau apa pun.
- 23.8 Klausula ini adalah tanpa prejudis terhadap sebarang klausula lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang membuat peruntukan bagi pendedahan maklumat.

24. PEMBAYARAN AUTOMATIK

- 24.1 Jika Pemegang Kad telah memberikan arahan bagi Pembayaran Automatik, Peniaga akan menghantar kepada Bank butir-butir setiap Caj Peniaga apabila Caj Peniaga menjadi perlu dibayar. Apabila Bank menerima butir-butir tersebut, Bank akan mengenakan Caj Peniaga tersebut kepada Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk dengan serta-merta memaklumkan Peniaga dan/atau bank atau institusi kewangan lain tentang perubahan pada arahan pembayaran Pemegang Kad jika Pemegang Kad mempunyai arahan pembayaran yang terdahulu, jika ada, kepada (i) bank dan/atau institusi kewangan lain untuk membayar Peniaga; dan/atau (ii) Peniaga untuk mengenakan Caj Peniaga kepada akaun Pemegang Kad yang dipegang dengan bank dan/atau institusi kewangan lain.
- 24.2 Semasa menyediakan Pembayaran Automatik, Bank tidak bertanggungjawab kerana:-
- (i) membuat pembayaran sebarang Caj Peniaga kepada Peniaga tepat pada masanya dan dalam hal ini, Pemegang Kad tidak boleh mempertanggungjawabkan Bank atas sebarang kesilapan, kecuaiian, keengganan atau ketinggalan untuk membayar atau kelewatan untuk membayar semua atau sebarang Caj Peniaga kepada Peniaga kecuali disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank;
 - (ii) kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad jika Bank membuat pembayaran Caj Peniaga kepada Peniaga dengan niat baik;
 - (iii) membayar semua atau sebarang Caj Peniaga kepada Peniaga jika tidak ada baki yang tersedia di dalam Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad atau jika terdapat baki yang tersedia di dalam Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad tetapi baki tidak mencukupi atau jika penggunaan Kad oleh Pemegang Kad ditamatkan atau digantung atas sebarang sebab pun jua atau jika Kad tidak dibaharui atau digantikan, mengikut keadaan, atau jika Bank menurut budi bicaranya yang munasabah, menentukan secara konklusif bahawa keadaan menjustifikasi Caj Peniaga tidak dibayar atas apa jua sebab; dan/atau

(iv) membayar Caj Peniaga kepada Peniaga jika Pemegang Kad telah mengarahkan Bank agar menghentikan pembayaran atau membatalkan atau menamatkan Pembayaran Automatik kecuali disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkarannya yang disengajakan oleh Bank.

24.3 Meskipun apa jua perkara yang menyatakan sebaliknya di dalam Klausa 23 ini, Bank berhak untuk enggan membuat pembayaran terhadap Transaksi yang Bank syaki mungkin menipu atau menyalahi undang-undang atau jika tidak terdapat baki yang cukup di dalam Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad. Pemegang Kad pada semua masa menanggung tanggungjawab utama untuk membayar Caj Peniaga yang terhutang dan kena dibayar kepada Peniaga secara terus dan Bank tidak akan pada bila-bila masa berkewajipan untuk memaklumkan Pemegang Kad bahawa Caj Peniaga tidak dibayar kepada Peniaga. Jika Bank tidak membayar Caj Peniaga kepada Peniaga, Pemegang Kad hendaklah menjelaskan Caj Peniaga tersebut secara terus dengan Peniaga. Pemegang Kad bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa kepada Bank untuk memaklumkan kepada Peniaga tentang sebarang Caj Peniaga yang tidak berjaya dicaj di bawah Pembayaran Automatik.

24.4 Jika nombor Kad Pemegang Kad berubah, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan Peniaga tentang perubahan pada nombor Kad. Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pembayaran kepada Peniaga dengan mengenakan dan mendebit Caj Peniaga yang dibil kepada nombor Kad terdahulu Pemegang Kad daripada Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad yang dipautkan atau dihubungkan dengan nombor Kad baharu Pemegang Kad tanpa memerlukan kebenaran lanjut daripada Pemegang Kad. Walau bagaimanapun, meskipun pemberikuasaan oleh Pemegang Kad kepada Bank yang disebut sebelum ini, Bank tidak mempunyai kewajipan untuk membuat pembayaran Caj Peniaga kepada Peniaga.

24.5 Pemegang Kad hendaklah menanggung rugi Bank terhadap sebarang kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan atau tuntutan (termasuk perbelanjaan guaman atas dasar peguamcara dan anakguam dan tanggung rugi penuh) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat penyediaan Pembayaran Automatik kepada Pemegang Kad kecuali kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan atau tuntutan tersebut diakibatkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkarannya yang disengajakan oleh Bank.

24.6 Kewajipan Bank untuk membuat pembayaran Caj Peniaga kepada Peniaga akan terhenti dengan sertamerta jika:-

(i) Pembayaran Automatik ditamatkan sama ada oleh Bank atau Pemegang Kad dengan memberikan pihak satu lagi notis tidak kurang daripada satu (1) bulan secara bertulis dan apabila luput tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis penamatan, Pembayaran Automatik akan ditamatkan; atau

(ii) Kad digantung dan/atau ditamatkan atau Akaun Ditetapkan milik Pemegang Kad ditutup

(selepas ini dirujuk sebagai "Peristiwa tersebut").

Pemegang Kad bertanggungjawab memaklumkan Peniaga yang berkenaan secara bertulis bahawa Pembayaran Automatik telah ditamatkan dan untuk meminta Peniaga tersebut memberhentikan pengebilan kepada Bank. Sehingga Peniaga memaklumkan Bank bahawa Pembayaran Automatik telah ditamatkan, Bank berhak membuat pembayaran kepada Peniaga dan Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab untuk sebarang pembayaran yang dibuat oleh Bank kepada Peniaga berkaitan dengan semua Transaksi sebelum Peristiwa tersebut.

24.7 Meskipun apa jua perkara yang terkandung di dalam ini, Bank berhak untuk memberhentikan, menggantung atau menamatkan Pembayaran Automatik pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad dan tidak membuat pembayaran Caj Peniaga kepada Peniaga. Pemegang Akaun pada semua masa terus menanggung tanggungjawab utama untuk membayar semua Caj Peniaga yang terhutang dan kena dibayar kepada Peniaga secara terus dan jika Bank melaksanakan hak sedemikian, Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad hendaklah menyelesaikan semua Caj Peniaga yang belum dijelaskan secara terus dengan Peniaga.

25. UNDANG-UNDANG YANG DIKENAKAN, BIDANG KUASA DAN SHARIAH

- 25.1 Perjanjian ini akan dianggap satu kontrak yang dibuat di bawah undang-undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di sini dengan ini bersetuju berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
- 25.2 Perjanjian ini dirancang sebagai patuh Syariah sepenuhnya. Pemegang Kad dan Bank bersetuju bahawa hak dan obligasi mereka masing-masing di dalam ini dirancang akan dan tertakluk kepada dan mematuhi Syariah (Syariah adalah seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia). Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, Pemegang Kad semata-mata bertanggungjawab atas penggunaan Kad di peniaga yang tidak patuh Syariah.

26. LAIN-LAIN

- 26.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah sebagai tambahan dan tidak akan menjejaskan apa-apa perjanjian atau perkiraan khusus, yang kini atau selepas ini wujud antara Bank dengan Pemegang Kad berhubung dengan Akaun Ditetapkan dan atau Akaun dan atau apa-apa terma dan syarat yang mungkin dinyatakan dalam apa-apa surat tawaran yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa.
- 26.2 Sekiranya wujud perkara yang tidak konsisten, kesamaran atau percanggahan antara teks Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam bahasa Inggeris dan sebarang versi lain, versi bahasa Inggeris akan mengatasi versi lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh Pemegang Kad bagi versi Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia, Bank hendaklah menyediakannya kepada Pemegang Kad dan membenarkan Pemegang Kad melengkapkan borang relevan dan menandatangani perjanjian dalam Bahasa Malaysia dan borang dan perjanjian sedemikian dalam Bahasa Malaysia yang dilengkapkan dan ditandatangani hendaklah membentuk asas kontrak antara Bank dan Pemegang Kad.
- 26.3 Sekiranya ada sebarang aduan, pertanyaan dan atau makluman kepada Bank berkaitan dengan Kad, Pemegang Kad boleh mengemukakan nota kepada pusat atau cawangan CIMB di mana Akaun Ditetapkan dipegang. Sekiranya penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh pusat atau cawangan CIMB tidak memuaskan hati Pemegang Kad, Pemegang Kad boleh menghubungi 'Customer Resolution Unit' Bank di alamat, nombor telefon, nombor faks dan e-mel berikut (atau di sebarang alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh Bank dengan memaklumkan Pemegang Kad): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. No. Pusat Panggilan: +603 6204 7788, E-mel: cru@cimb.com.